

TARIKH	12 / 12 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	dlm Negari

## Tabung Haji amal daftar terbuka

KUALA LUMPUR 11 Dis. - Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) mengamalkan pendaftaran secara terbuka kepada umat Islam yang ingin mengerjakan ibadah haji.

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya,



Datuk Ismee Ismail (gambar) berkata, pemilihan bakal haji pula adalah

mengikut tarikh pendaftaran yang dilakukan oleh pendepositnya.

“Pemilihan bakal haji adalah mengikut sistem siapa mendaftar dahulu akan didahulukan.

“Tabung Haji tidak membenarkan pendaftaran haji kepada jemaah haji yang baru sahaja menunaikan haji dalam tempoh lima tahun,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Semalam, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom memberitahu bahawa sejuta umat Islam di negara ini berada dalam senarai menunggu untuk mengerjakan haji kerana kuota ditetapkan oleh Arab Saudi hanya seramai 28,000 orang bagi setiap kali tibanya musim haji.

Ismee berkata, pihaknya menerima kira-kira 60,000 rayuan daripada orang ramai pada setiap kali musim haji.